

Pupus hutan bakau lenyapkan Bandar Maritim Manjung

Pesisiran pantai Manjung terkenal dengan keindahan semula jadinya yang masih terpelihara dengan kepelbagaian ekosistem seperti pinggir hutan paya bakau di sepanjang pesisir pantai yang berlumpur.

Manjung adalah daerah di Perak yang meliputi Pulau Pangkor, Lumut, Sitiawan, Lekir, Pengkalan Baharu dan Beruas.

Sinonim sebagai bandar maritim, hutan paya bakau adalah rantaian kekayaan sumber maritim dan menjadi elemen utama dalam kelestarian khususnya sektor perikanan.

Daerah Manjung kawasan kedua popular di Perak dengan taburan hutan paya bakau, terutama di sepanjang Sungai Sitiawan dan kemestinya di sekitar Taman Paya Bakau.

Menelusuri pelantar pejalan kaki di Taman Paya Bakau Manjung, pengunjung disambut meriah kawanan monyet jinak yang hidup berasimilasi dengan ekosistem paya bakau.

Barisan pokok bakau serta bunyi cengkerik dan agas turut mengiringi setiap langkah ke muara. Terdapat juga spesies ikan yang riang bermain gelung di atas gelapnya lumpur. Inilah keindahan semula jadi yang kian terpinggir oleh arus perubahan teknologi.

Ekosistem yang dahulunya mendominasi lebih 75 peratus kawasan muara dan paya yang bertumpu di sepanjang pesisiran pantai Malaysia, kian di-

bandang kepupusan yang serius.

Ekosistem hutan paya bakau di Manjung masih terpelihara dengan habitat semula jadi paya bakau. Mengerali ciri morfologi pokok bakau, dirian pokok bakau mempunyai batang yang lurus, berdaun oval yang tebal dan mempunyai bentuk akar yang unik.

Ia menjadikan tumbuhan ini berupaya hidup subur di sepanjang pantai dan muara berlumpur yang dipengaruhi arus pasang surut.

Ia juga mempunyai toleransi baik terhadap kandungan oksigen yang rendah, tahap kemasinan air laut yang tinggi serta berdiri teguh di atas tanah lembut yang berlumpur.

Sebagai ekosistem yang berharga seantero dunia, sistem akarnya membolehkan pelbagai spesies ikan menjadikan kawasan ini sebagai rumah kedua mereka.

Ikan menjadikan hutan paya bakau sebagai tempat pembiakan dan perlindungan selamat. Menariknya, pelbagai spesies ikan boleh ditemui dalam ekosistem ini termasuk ikan demersal yang mempunyai nilai komersial tinggi dalam pasaran.

Oleh itu, kewujudan ekosistem ini elemen penting bagi sektor perikanan tempatan.

Di daerah Manjung, perikanan adalah industri utama bagi masyarakat tempatan.

Jika ekosistem hutan paya bakau ditebus guna untuk pembangunan, keseluruhan populasi ikan dan industri perikanan di kawasan ini bakal terancam kerana habitat semula jadi bagi pembiakan serta perlindungan spesies

ikan lenyap.

Hutan paya bakau juga habitat semula jadi pelbagai spesies ketam seperti ketam nipah dan pelbagai spesies udang.

Ekosistem ini turut digunakan ratusan burung hijrah sebagai tempat perlindungan untuk berehat dan bertelur sebelum meneruskan perjalanan.

Selain kekayaan spesies di Taman Paya Bakau Manjung, Sungai Sitiawan turut dilimpahi kawasan hutan paya bakau yang besar di Manjung.

Nelayan memanfaatkan Sungai Sitiawan sebagai kawasan pendaratan ikan dan menjadi kawasan paling popular dalam kalangan penduduk untuk men-

dapatkan hasil laut setiap minggu.

Malah, pelancong tidak melepaskan peluang membawa pulang hasil laut segar dari jeti pendaratan ikan di Sungai Sitiawan.

Tambahan pula, hasil laut ditawarkan di sini lebih segar dan murah berbanding di Kuala Lumpur.

Ini menunjukkan ada permintaan tinggi kepada hasil laut yang didaratkan di Manjung kerana kawasan pembiakan dan perlindungan bagi pelbagai spesies ikan masih terpelihara.

Kelangsungan ekosistem hutan paya bakau penting dan wajar untuk dipelihara memandangkan terdapat pelbagai fungsi dan kepentingan ekosistem ini kepada keseimbangan alam mahupun sosioekonomi masyarakat tempatan.

Status Bandar Maritim bukan kerana gahnya Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang terbesar di Malaysia, mahupun disebabkan populariti Pangkor selaku pulau bebas cukai. Sebaliknya, berdirinya Bandar Maritim kerana gabungan sosioekonomi serta nilai semula jadi, terutama hutan paya bakau di daerah Manjung itu sendiri.

Oleh itu, pemeliharaan serta pemeliharaan berterusan baik daripada pihak pemegang taruh mahupun masyarakat setempat harus sejajar agar ekosistem hutan paya bakau dapat dimanfaatkan dengan mampan.

Penulis adalah calon Doktor Falsafah (PhD) dari Pusat Pengajian Sains Bumi & Alam Sekitar, Universiti Kebangsaan Malaysia



Nurul Asyikin Itharim

Jika ekosistem hutan paya bakau ditebus guna untuk pembangunan, keseluruhan populasi ikan dan industri perikanan di kawasan ini bakal terancam kerana habitat semula jadi bagi pembiakan serta perlindungan spesies ikan lenyap.

